“Pelanggan RHB Premier” bermaksud pelanggan tunggal RHB atau secara kolektif, dua atau lebih pelanggan RHB bersama, yang telah memohon Keahlian Pelanggan Premier RHB dan yang permohonannya telah diterima oleh RHB.

TERMA DAN SYARAT “RHB PREMIER”

1.1

“Tambahan Keluarga RHB Premier” bermaksud pengiktirafan Premier yang dilanjutkan termasuk keistimewaan dan perkhidmatan RHB Premier kepada ahli keluarga terdekat Pelanggan RHB Premier yang telah memohon untuk Keahlian RHB Premier Family Extension dan yang permohonnya telah diterima oleh RHB.

“Pelanggan RHB Premier Joy@Work yang Layak” bermaksud individu yang telah memenuhi syarat kelayakan Joy&Work yang ditetapkan oleh RHB dan yang telah diterima oleh RHB sebagai Pelanggan RHB Premier Joy@Work.

1. Pelanggan RHB Premier

- a. RHB akan meninjau Kriteria Kelayakan Pelanggan RHB Premier sebagaimana ditetapkan dalam Klausula 2 setiap bulanan.

2. Kriteria Kelayakan

- a. Kecuali RHB membuat keputusan lain, Pelanggan RHB Premier mesti memenuhi:

- AUM minima sebanyak RM200,000: di mana AUM merujuk kepada jumlah wang dalam akaun Deposit, Pelaburan dan Insurans Hayat dengan RHB di bawah akaun tunggal atau akaun bersama Pelanggan RHB Premier di mana Pelanggan RHB Premier adalah pemegang akaun utama;

ATAU

Berkuatkuasa mulai 15 Jun 2022 ,

- b. Pelanggan Kemudahan Pinjaman atau Pinjaman Kenderaaan (Auto) atau Pelanggan Kad Kredit RHB :

- Gaji kasar bulanan minima sebanyak RM20,000 seperitmanya di nyatakan daripada dokumen pendapatan : dan
- Mesti memenuhi amaun minima AUM RM100,000 sejurus berdaftar sebagai Pelanggan RHB Premier dan seterusnya memenuhi kriteria Kelayakan yang ada seperti yang dinyatakan dalam Klausula 2 (a) selepas dua belas (12) bulan berdaftar bersama RHB Premier: dan
- Pelanggan RHB Premier yang berkuatkuasa dengan Kemudahan Pinjaman sebelum 15 June 2022 akan diteruskan perkhidmatan RHB Premier.

ATAU

- c. Untuk Pelanggan RHB Premier yang berdaftar dalam Program Joy@Work:

- Gaji kasar bulanan minima sebanyak RM20,000 untuk pekerja yang bekerja di sektor swasta, Badan Bukan Kerajaan (NGO) atau agensi kerajaan; DAN
- AUM tidak perlu dipenuhi untuk dua belas (12) bulan pertama untuk berdaftar sebagai RHB premier dan seterusnya memenuhi Kriteria Kelayakan yang ada seperti yang dinyatakan dalam Klausula 2 (a) selepas dua belas (12) bulan berdaftar ke Program Joy@Work.

ATAU amaun lain yang ditentukan oleh RHB dari semasa ke semasa dengan pemberitahuan sebelumnya diberikan kepada Pelanggan RHB Premier.

TERMA DAN SYARAT “RHB PREMIER”

1.1

3. Tambahan Keluarga RHB Premier (berkuatkuasa mulai 10 Julai 2023)

- a. RHB boleh melanjutkan keahlian Tambahan Keluarga RHB Premier sehingga maksimum tiga (3) ahli keluarga terdekat Pelanggan RHB Premier (pasangan atau anak sahaja yang berumur di bawah 28 tahun) yang dinamakan oleh Pelanggan dan dikemukakan kepada Bank.
- b. Ahli keluarga terdekat Pelanggan RHB Premier mesti mempunyai sama ada satu akaun tunggal atau satu akaun bersama di RHB dengan Pelanggan RHB Premier.
- c. Ahli keluarga terdekat Tambahan Keluarga RHB Premier mesti memenuhi kriteria AUM RM200,000 atau AUM bersama RM400,000 dengan pemegang akaun utama RHB Premier untuk pasangan RHB Premier dan AUM minimum RM50,000 atau AUM bersama pemegang akaun utama RHB Premier bagi setiap anak yang berumur di bawah 28 tahun.

4. Yuran Keahlian (berkuatkuasa mulai 15 Jun 2022)

- a. Akaun akan dikenakan bayaran Yuran Keahlian setiap tiga bulan sebanyak RM150 atau apa sahaja jumlah yang difikirkan sesuai oleh RHB sekiranya Pelanggan RHB Premier tidak memenuhi Kriteria Kelayakan seperti yang dinyatakan dalam Klausula 2;
- b. Akaun akan dikenakan bayaran Yuran Keahlian pada 20 hari bulan pada bulan keempat selepas menyertai RHB Premier sekiranya Pelanggan RHB Premier tidak memenuhi purata harian Kelayakan RHB Premier sepanjang tiga (3) bulan berturut-turut daripada bulan penyertaan.
- c. Pelanggan RHB Premier dengan ini memberi kuasa kepada RHB untuk mendebitkan, dengan memberikan notis bertulis tujuh (7) hari calendar terlebih dahulu kepada Pelanggan RHB Premier, mana-mana Akaun aktif Pelanggan RHB Premier yang ditetapkan untuk bayaran Yuran Keahlian yangdikenakan dan caj yuran lain dari semasa ke semasa,
- d. Senario Yuran Keahlian RHB Premier :-

Senario	Jadual Bulan Keahlian RHB Premier			
	Feb 22 (Bulan Penyertaan Keahlian)	Mac 22	Apr 22	20 Mei 22
A	Purata Harian AUM < RM200k	Purata Harian AUM < RM200K	Purata Harian AUM >= RM200K	Tiada Bayaran
B	Purata Harian AUM < RM200K	Purata Harian AUM >= RM200K	Purata Harian AUM < RM200K	Tiada Bayaran
C	Purata Harian AUM < RM200K	Purata Harian AUM < RM200K	Purata Harian AUM < RM200K	Bayaran Dikenakan
D	Purata Harian AUM >= RM200K	Purata Harian AUM < RM200K	Purata Harian AUM < RM200K	Tiada Bayaran

TERMA DAN SYARAT “RHB PREMIER”

1.1

5. Penamatan atau Pembatalan

- a. Sekiranya Kriteria Kelayakan tidak dikekalkan oleh Pelanggan RHB Premier, Keahlian boleh ditamatkan, dibatasi atau ditangguhkan atas budi bicara RHB setelah notis bertulis terdahulu sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari diberikan kepada Pelanggan RHB Premier dengan alasan untuk penamatan, pembatasan atau penangguhan tersebut dinyatakan dalam notis;
- b. Penamatan Keahlian Pelanggan RHB Premier juga boleh dikemukakan oleh perkara yang berikut:
 - Pelanggan RHB Premier menyampaikan notis bertulis kepada RHB untuk menamatkan perkhidmatannya; atau
 - Anak-anak Tambahan Keluarga RHB Premier yang berumur 28 tahun dan keatas; atau
 - apabila kematian atau kegilaan Pelanggan RHB Premier atau jika Pelanggan RHB Premier melakukan tindakan muflis; atau
 - jika ada perubahan dalam undang-undang atau peraturan yang mengakibatkan kepaksaan RHB menamatkan Keahlian atas kemustahilan atau ketidaksahan; atau
 - sekiranya RHB gagal mengenakan bayaran Yuran Keahlian sebanyak dua (2) kali dalam masa enam (6) bulan berturut-turut.
- c. Apabila Keahlian ditamatkan,
 - RHB mempunyai budi bicara untuk mengganti / menangguhkan / menutup mana-mana Akaun Deposit dan / atau kad kredit / debit/-i lain yang berkait dengan RHB Premier dengan memberikan notis terdahulu kepada Pelanggan RHB Premier sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari; dan
 - Kelayakan kadar keutamaan untuk semua produk & perkhidmatan tidak lagi boleh diguna pakai.

6. Penukaran Alamat

- a. Pelanggan RHB Premier dan Tambahan Keluarga RHB Premier harus dengan segera menyampaikan notis bertulis kepada RHB sekiranya berada perubahan pada alamat, nombor telefon dan alamat e-melnya; dan
- b. Sebagai tambahan, Pelanggan RHB Premier dan Tambahan Keluarga RHB Premier juga harus dengan segera menyampaikan notis bertulis kepada RHB mengenai setiap perubahan pekerjaannya dan / atau alamat pejabatnya.

7. Autoriti dan Arahan

- a. Orang yang diberikan kuasa untuk mengeluarkan arahan kepada RHB berhubung dengan apa-apa perkara yang berkaitan dengan Keahlian RHB Premier dan Tambahan Keluarga RHB Premier hendaklah merupakan orang yang sama pemegang akaun utama;

TERMA DAN SYARAT “RHB PREMIER”

1.1

- b. Sebarang arahan yang melibatkan apa-apa perkara berkait dengan Keahlian RHB Premier dan Tambahan Keluarga RHB Premier akan diberikan oleh orang yang diberikan kuasa untuk mengeluarkan arahan kepada RHB hendaklah merupakan transaksi untuk orang yang sama pemegang akaun utama Pelanggan RHB Premier dan Tambahan Keluarga RHB Premier sama ada untuk pengeluaran akaun semasa/-i, pengeluaran akaun simpanan/-i, pengeluaran akaun Multi Currency/-i dan simpanan tetap/ commodity murabahah deposit-i , pengeluaran simpanan tetap/ commodity murabahah deposit-i , pembaharuan simpanan tetap/ commodity murabahah deposit-i Pelanggan RHB Premier dan Tambahan Keluarga RHB Premier sama ada :-
- melalui surat yang dihantar sendiri atau dihantar melalui pos pra-bayar; atau
 - melalui penghantaran faksimili, dan disusuli oleh surat asal; atau
 - melalui e-mel dari alamat-alamat e-mel yang didaftarkan dengan RHB; atau
 - melalui telefon (dirakam); atau
 - melalui aplikasi Zoom, Skype, Microsoft Teams atau platform komunikasi virtual yang lain, diikuti dengan pengesahan melalui telefon (dirakam); atau
 - dengan dokumen yang dipra-isi oleh kakitangan jualan RHB, disusuli oleh pengesahan melalui telefon (dirakam) atau e-mel dari alamat-alamat e-mel yang didaftarkan dengan RHB.
- c. Berhubung dengan apa-apa arahan yang diterima secara bertulis oleh RHB (iaitu dengan carayang dinyatakan dalam Klausula 7 (b), satu-satunya kewajipan pengesahan yang perlu dilakukan oleh RHB ialah untuk memastikan tandatangan (jika ada) yang tertera pada arahan yang dimaksudkan itu merupakan tandatangan orang yang diberikan kuasa untuk mengeluarkan arahan tersebut;
- d. RHB tidak dipertanggungjawabkan kepada Pelanggan RHB Premier dan Tambahan Keluarga RHB Premier kerana bertindak atas apa-apa arahan yang dikomunikasikan atau kononnya disampaikan oleh orang yang diberikankuasa untuk mengeluarkan arahan kepada RHB secara bertulis dan ditandatangani atau kononnya ditandatangani oleh orang yang diberikan kuasa untuk mengeluarkan arahan. Apa-apa risiko salah faham, kesilapan atau kerugian yang terhasil daripada arahan yang diberikan oleh orang yang tidak dibenarkan atau apa-apa kesilapan, kerugian atau kelewatan yang terhasil daripada penggunaan arahan bertulis adalah risiko Pelanggan RHB Premier dan Tambahan Keluarga RHB Premier yang mana RHB tidak akan dipertanggungjawabkan, melainkan jika hal tersebut disebabkan oleh kecuaian berat, salah laku sengaja, kelalaian sengaja atau penipuan RHB;
- e. Pelanggan RHB Premier dan Tambahan Keluarga RHB Premier sedar bahawa tandatangan atas arahan bertulis atau digital boleh ditapis/dibuat secara pemalsuan atau tanpa kebenaran sewajarnya apabila dihantar kepada RHB dan Pelanggan RHB Premier dan Tambahan Keluarga RHB Premier akan memberikan arahan bertulis kepada RHB dengan mengambil risiko sedemikian. RHB tidak akan dipertanggungjawabkan terhadap apa-apa kerugian, kerosakan, perbelanjaan, tuntutan atau liabiliti yang dialami oleh Pelanggan RHB Premier akibat daripada RHB yang bertindak atas arahan bertulis selagi tandatangan yang terdapat pada mana-mana arahan bertulis itu muncul semasa pengesahan menjadi atau berupa sebagai selaras dengan spesimen tandatangan orang yang diberikan kuasa untuk mengeluarkan arahan, melainkan dan kecuali jika kerugian, kerosakan, perbelanjaan, tuntutan atau liabiliti tersebut disebabkan oleh kecuaian berat, salah laku sengaja, kelalaian sengaja atau penipuan RHB;

TERMA DAN SYARAT “RHB PREMIER”

1.1

- f. Sekiranya RHB membuat keputusan untuk mendapatkan pengesahan tentang ketulenan mana-mana tandatangan atau identiti mana-mana orang yang bertanggungjawab menurunkan tandatangan tersebut, tindakan tersebut tidak akan dalam apa-apa segi mengikat RHB berhubung dengan apa-apa arahan pada masa akan datang diberikan oleh Pelanggan RHB Premier dan Tambahan Keluarga RHB Premier yang sama dan RHB berhak untuk bergantung sepenuhnya kepada peruntukanKlaus 7(c) dalam Terma dan Syarat ini;
- g. Pelanggan RHB Premier dan Tambahan Keluarga RHB Premier secara nyata memberi kuasa kepada RHB untuk menerima arahan yang diberikan dengan apa cara seperti yang dinyatakan dalam Klaus 6(b) daripada orang yang diberikan kuasa untuk mengeluarkan arahan. Pelanggan RHB Premier dan Tambahan Keluarga RHB Premier bersetuju dan mengesahkan bahawa:
- Pelanggan RHB Premier dan Tambahan Keluarga RHB Premier bersetuju dan memahami maklumat yang terkandung dalam borang Keahlian RHB Premier dan Terma dan Syarat RHB Premier;
 - Pelanggan RHB Premier dan Tambahan Keluarga RHB Premier memberi kebenaran kepada RHB untuk menyimpan rekod-e-mel dan/atau perbualan telefon dan/atau perbualan sebenar antara orang yang diberikan kuasa untuk mengeluarkan arahan dan pihak RHB. E-mel dan/atau perbualan telefon and/atau perbualan sebenar berkenaan boleh digunakan sekiranya dianggap sesuai dan wajar oleh RHB, selaras dengan Dasar Privasi Kumpulan Perbankan RHB;
 - Tertakluk kepada Klaus 7(c), RHB akan mengambil langkah yang musnasabah untuk mengesahkan identiti orang yang kononnya diberikan kuasa untuk memohon Keahlian RHB Premier dan Tambahan Keluarga RHB Premier. Pelanggan RHB Premier dan Tambahan Keluarga RHB Premier bersetuju bahawa jika RHB mempunyai keraguan munasabah terhadap identiti orang yang mengeluarkan arahan pada bila-bila masa, RHB boleh menolak untuk bertindak ke atas arahan berkenaan;
 - Pelanggan RHB Premier dan Tambahan Keluarga RHB Premier mengakui bahawa dalam mematuhi arahan yang diberikan oleh orang yang diberikan kuasa untuk mengeluarkan arahan, RHB tidak akan dipertanggungjawabkan terhadap apa-apa kerugian yang timbul secara langsung atau tidak langsung dari arahan berkenaan, melainkan jika hal tersebut disebabkan oleh kecuaian berat, salah laku sengaja, kelalaian sengaja atau penipuan RHB;
 - Pelanggan RHB Premier dan Tambahan Keluarga RHB Premier bersetuju dan mengaku janji untuk menanggung rugi RHB sepenuhnya dari dan terhadap sebarang dan semua tindakan, prosiding dan tuntutan yang timbul, sama ada secara langsung atau tidak langsung yang mungkin akan memberi kesan terhadap RHB kesan daripada mematuhi permintaan Pelanggan RHB Premier di atas dan dari mana-mana dan semua liabiliti, kehilangan, kerugian, kos dan perbelanjaan, melainkan jika hal tersebut disebabkan oleh kecuaian berat, salah laku sengaja, kelalaian sengaja atau penipuan RHB. Pelanggan RHB Premier dan Tambahan Keluarga RHB Premier memberi kebenaran kepada RHB untuk mendebitkan jumlah yang dituntut daripada Akaun Pelanggan RHB Premier sebaik sahaja menerima notis tuntutan, dengan syarat Pelanggan RHB Premier mempunyai wang yang cukup dalam Akaun Pelanggan RHB Premier dan Tambahan Keluarga RHB Premier.
- h. RHB berhak atas budi bicaranya untuk enggan mematuhi apa-apa arahan yang, pada pendapat RHB, adalah tidak jelas atau kabur yang akan atau mungkin menyebabkan RHB untuk melanggar mana-mana undang-undang atau peraturan (sama ada mempunyai apa-apa akibat undang-undang dan mengikat ataupun tidak). RHB tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian yang mungkin Pelanggan RHB Premier dan Tambahan Keluarga RHB Premier alami atau tanggung akibat daripada keengganan RHB untuk bertindak dalam keadaan tersebut (melainkan jika kerugian sedemikian disebabkan oleh kecuaian berat, salah laku sengaja, kelalaian sengaja atau penipuan RHB);
- i. Arahan yang diberikan oleh Pelanggan RHB Premier dan Tambahan Keluarga RHB Premier untuk membatalkan arahan terdahulu hendaklah dianggap diberikan secara sah hanya sekiranya arahan terdahulu itu belum lagi dilaksanakan oleh RHB.

TERMA DAN SYARAT “RHB PREMIER”

1.1

8. Ganti Rugi

- Pelanggan RHB Premier dan Tambahan Keluarga RHB Premier harus mengganti rugi dan melindungi RHB dari semua kos dan perbelanjaan (termasuk yuran undang-undang berdasarkan ganti rugi) yang ditanggung oleh RHB dalam menguatkuasakan Terma dan Syarat ini dan pemulihian jumlah yang disebabkan oleh RHB atau ditanggung oleh RHB di apa-apa prosiding undang-undang atas tindakan, peninggalan, keingkaran, kelalaian dan / atau salah laku Pelanggan RHB Premier dan Tambahan Keluarga RHB Premier.

9. Pengabaian

- Sebarang pemanjangan, pengabaian atau pengabaian oleh RHB dalam penguatkuasaan mana-mana Terma dan Syarat ini tidak akan mengecualikan hak RHB untuk penguatkuasaan Terma dan Syarat ini.

10. Perubahan Atas Terma dan Syarat

- RHB boleh mengubah, menambah atau menghapus Terma dan Syarat ini dengan memberikan notis bertulis terdahulu sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalendar sebelum penguatkuasaan perubahan tersebut dan alasan untuk perubahan tersebut;
- Pemberitahuan kepada Pelanggan RHB Premier dan Tambahan Keluarga RHB Premier sehubungan dengan pengubahsuaian, variasi, penghapusan, penambahan atau pindaan tersebut ('Pindaan') akan dilakukan atas budi bicara RHB melalui salah satu cara komunikasi berikut iaitu melalui:
 - Paparannya di laman web & cawangan RHB mengenai Pindaan di mana peruntukan terperinci mengenai Pindaan boleh diberikan dalam pemberitahuan itu sendiri atau boleh diberikan kepada Pelanggan RHB Premier dan Tambahan Keluarga RHB Premier atas permintaan; atau
 - Dengan pemberitahuan yang dihantar oleh RHB ke alamat fizikal terakhir Pelanggan RHB Premier dan Tambahan Keluarga RHB Premier yang disimpan dalam rekod RHB; atau
 - Pemberitahuan di *automated teller machines (ATM)*; atau
 - Diiklankan di satu akhbar pilihan RHB; atau
 - Melalui e-mel atau dengan cara pemberitahuan lain yang dapat dipilih oleh RHB dan Pindaan tersebut akan dianggap mengikat kepada Pelanggan RHB Premier dan Tambahan Keluarga RHB Premier sejak tarikh pemberitahuan Pindaan atau dari tarikh lain yang ditentukan oleh RHB dalam pemberitahuan.

11. Pertikaian atau Aduan

- Jika terdapat sebarang pertikaian, Pelanggan RHB Premier dan Tambahan Keluarga RHB Premier boleh merujuk pertikaian tersebut kepada Pusat Perhubungan Pelanggan RHB Premier atau Advokasi Pelanggan. Pelanggan RHB Premier boleh menghubungi Ombudsman untuk Perkhidmatan Kewangan untuk sebarang pertikaian lanjut.

12. AKTA ANTI PENGUASAAN WANG, ANTI PEMBIAYAAN KEGANASAN DAN HASIL AKTIVITI HARAM 2001 (AKTA 613) ('AMLA')

- Pelanggan RHB Premier dan Tambahan Keluarga RHB Premier dengan ini mewakili dan menjamin dan mengaku janji dengan RHB Bank bahawa:-
 - tidak terlibat, dan tidak boleh pada bila-bila masa terlibat, secara langsung atau tidak langsung, dalam transaksi yang melibatkan hasil daripada aktiviti menyalahi undang-undang atau instrumentaliti sesuatu kesalahan;

TERMA DAN SYARAT “RHB PREMIER”

1.1

- tidak memperoleh, menerima, memiliki, menyamar, memindahkan, menukar, menukar, membawa, melupuskan atau menggunakan, dan tidak boleh pada bila-bila masa memperoleh, menerima, memiliki, menyamar, memindahkan, menukar, menukar, membawa, melupuskan atau menggunakan, hasil daripada aktiviti yang menyalahi undang-undang atau alatan kesalahan;
- tidak dialihkan dari atau dibawa masuk ke Malaysia, dan tidak boleh pada bila-bila masa mengalihkan atau membawa masuk ke Malaysia, hasil daripada aktiviti yang menyalahi undang-undang atau peralatan kesalahan; dan
- tidak menyembunyikan, menyamar atau menghalang, dan tidak boleh pada bila-bila masa menyembunyikan, menyamar atau menghalang, pembentukansifat sebenar, asal usul, lokasi, pergerakan, pelupusan, hak milik, hak berkenaan dengan, atau pemilikan, hasil sesuatu aktiviti atau peralatan yang menyalahi undang-undang sesuatu kesalahan;

b. Dalam hal ini:-

'instrumentaliti sesuatu kesalahan' bermaksud: -

- apa-apa perkara yang digunakan dalam atau berkaitan dengan, pelakuan apa- apa aktiviti yang menyalahi undang-undang; atau
- apa-apa harta yang digunakan sepenuhnya atau sebahagiannya dalam, atauberkaitan dengan, pelakuan apa- apa aktiviti yang menyalahi undang-undang,sama ada benda atau harta itu terletak di dalam atau di luar Malaysia.

'hasil daripada aktiviti yang menyalahi undang-undang' bermaksud apa-apa harta, atau apa-apa kelebihan ekonomi atau keuntungan ekonomi daripada harta tersebut, di dalam atau di luar Malaysia: -

i. yang secara keseluruhannya atau sebahagiannya: -

- diperoleh atau dimiliki, secara langsung atau tidak langsung, oleh mana- mana pihak daripada sebarang aktiviti yang menyalahi undang-undang;
 - diperoleh atau dimiliki daripada pelupusan atau urusan lain dengan harta yang disebut dalam subperenggan (i); atau
 - diperoleh menggunakan harta yang diperolehi atau dimiliki oleh mana- mana pihak melalui sebarang pelupusan atau urusan lain yang disebut dalam subperenggan (i) atau (ii); atau
- ii. dokumen atau instrumen undang-undang dalam sebarang bentuk, termasuk elektronik atau digital, yang membuktikan hak milik, atau kepentingan dalam, aset tersebut, termasuk mata wang, kredit bank, deposit dan sumber kewangan lain, cek pengembara, cek bank, kiriman wang, produk pasaran modal, draf dan surat kredit, sama ada terletak di dalam atau di luar Malaysia, dan termasuk kepentingan undang-undang atau saksama, sama ada penuh atau sebahagian, dalam mana-mana harta tersebut;

'harta' bermaksud:-

- i. setiap jenis asset , sama ada jasman i atau bukan jasmani, boleh alih atau tidak boleh dialih, ketara atau tidak ketara, walau bagaimanapun diperolehi; atau
 - ii. dokumen atau instrumen undang-undang dalam sebarang bentuk, termasuk elektronik atau digital, yang membuktikan hak milik , atau kepentingan dalam ,aset tersebut,termasuk mata wang, kredit bank, deposit dan sumber kewangan lain, cek pelancong, cek bank, kiriman wang, pasaran modalproduk, draf dan surat kredit,
- sama ada terletak di dalam atau di luar Malaysia, dan termasuk kepentingan undang-undang atau saksama, sama ada penuh atau sebahagian, dalam mana- mana harta tersebut

TERMA DAN SYARAT “RHB PREMIER”

1.1

‘aktiviti yang menyalahi undang-undang’ bermaksud:-

- i. apa-apa aktiviti yang menjadi apa-apa kesalahan serius atau apa-apa kesalahan serius asing; atau
- ii. apa-apa aktiviti yang bersifat sedemikian , atau berlaku dalam keadaan sedemikian, yang mengakibatkan atau membawa kepada pelakuan apa-apa kesalahan serius atau apa – apa kesalahan serius asing , tidak kira sama ada aktiviti tersebut, keseluruhan atau sebahagiannya, berlaku di dalam atau di luar Malaysia;

‘kesalahan berat’ bermaksud:-

- i. mana-mana kesalahan yang dinyatakan dalam Jadual Kedua AMLA;
- ii. percubaan untuk melakukan mana-mana kesalahan tersebut; atau
- iii. persubahatan mana-mana kesalahan tersebut;

‘urus niaga’ termasuk perkiraan untuk membuka akaun yang melibatkan dua orang atau lebih dan apa-apa transaksi berkaitan antara mana-mana pihak yang berkenaan dengan yang lain.

c. Pelanggan RHB Premier RHB dan Tambahan Keluarga RHB Premier dengan ini mengakui dan bersetuju dengan RHB Bank bahawa:-

- RHB Bank bertanggungjawab untuk mematuhi semua undang-undang, peraturan, arahan, dokumen dasar, garis panduan, arahan amalan, sekatan, piawaian dan amalan industri serta keperluan lain yang terpakai, termasuk tanpa had Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Akta Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001, Akta Perdagangan Strategik 2010, Akta Perkhidmatan Kewangan 2013/Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, yang mana Bank sebagai institusi kewangan berlesen/institusi kewangan Islam mungkin dari semasa ke semasa tertakluk kepada (secara kolektif, “Keperluan Regulatori”);
- RHB Bank berhak untuk melakukan atau menahan diri daripada melakukan apa-apa perbuatan atau perkara, untuk mematuhi Keperluan Regulatori;
- Sekiranya RHB Bank berpendapat bahawa sebarang peristiwa atau keadaan (sama ada berkaitan atau tidak), yang akan menjadikannya menyalahi undang-undang atau menyalahi undang-undang untuk RHB Bank meluluskan Keahlian Pelanggan RHB Premier atau memberikan atau menyediakan, atau untuk mengeluarkan sebarang dana di bawah, Keahlian, telah berlaku atau timbul, atau kelulusan Keahlian RHB Premier atau pemberian atau penyediaan, atau pengeluaran mana-mana dana di bawah, Keahlian Pelanggan RHB Premier akan melanggar mana-mana Keperluan Regulatori (secara keseluruhan atau sebahagian), termasuk tanpa had Penerimaan RHB Bank bagi sebarang makluman atau padanan nama positif daripada semakan berkaitan yang dijalankan ke atas Pelanggan RHB Premier dan Tambahan Keluarga RHB Premier dan mana-mana pihak ketiga berkaitan yang terlibat dalam urus niaga asas (termasuk tanpa had vendor/ pemaju/ pengajur/ ejen/ pemegang amanah/ pembekal yang kepadanya dana di bawah Perjanjian akan dikeluarkan) oleh RHB Bank menurut Keperluan Regulatori, maka, walau apa pun yang bertentangan terkandung dalam Perjanjian ini, RHB Bank hendaklah, dengan memberikan notis bertulis tidak kurang daripada 21 hari atau tempoh yang lebih singkat seperti yang diperlukan atau dibenarkan oleh Keperluan Regulatori tersebut, berhak untuk:-

TERMA DAN SYARAT “RHB PREMIER”

1.1

- i. menolak Keahlian RHB Premier dan Tambahan Keluarga RHB Premier dan melakukan semua tindakan dan perkara yang mungkin perlu untuk mematuhi Keperluan Regulatori;
 - ii. menggantung Perjanjian, dan melakukan semua tindakan dan perkara yang mungkin perlu untuk mematuhi Keperluan Regulatori; dan/atau
 - iii. membatalkan Perjanjian dan menamatkan hubungannya dengan Pelanggan RHB Premier dan Tambahan Keluarga RHB Premier, dan melakukan semua tindakan dan perkara yang mungkin perlu untuk mematuhi Keperluan Regulatori.
- d. Jika keahlian RHB Premier dan Tambahan Keluarga RHB Premier dibatalkan/ ditamatkan oleh RHB Bank menurut pematuhan mereka kepada Keperluan Regulatori: -
- tiada penggunaan atau penggunaan selanjutnya di bawah keahlian RHB Premier dan Tambahan Keluarga RHB Premier dibenarkan; dan
 - RHB Bank berhak untuk melaksanakan semua atau mana-mana hak dan remedи yang tersedia untuknya di bawah Perjanjian dan dokumen keselamatan, undang-undang yang terpakai atau sebaliknya;
- i. ia hendaklah menyediakan semua dokumen dan maklumat yang mungkin diperlukan oleh RHB Bank (pada setiap masa sepanjang tempoh perhubungan perniagaan) bagi tujuan mematuhi Keperluan Regulatori;
 - ii. RHB Bank berhak untuk membekukan/ merampas akaun/ kemudahan di bawah kawalannya atau terhutang daripada mana-mana sumber kepadanya, menurut perintah (-perintah) daripada agensi penguatkuasaan sehingga notis selanjutnya (perintah pembatalan) diterima daripada agensi penguatkuasaan tersebut atau pemberhentian perintah (yang mana yang pertama); atau melainkan terdapat pesanan variasi.
- e. Pelanggan RHB Premier dan Tambahan Keluarga RHB Premier mengaku janji dan bersetuju dengan RHB Bank bahawa:-.
- ia akan pada setiap masa mematuhi langkah-langkah RHB Bank dalam melaksanakan tanggungjawab mereka ke arah mematuhi Keperluan Regulatori;
 - ia akan bertanggungjawab sepenuhnya jika didapati telah melanggar Keperluan Regulatori yang menyebabkan kesan undang-undang kepada RHB Bank disebabkan tindakannya;
 - ia memahami bahawa sebarang pelanggaran disebabkan oleh AMLA dan keperluan sekatan tidak boleh dirunding.

Pelanggan RHB Premier dan Tambahan Keluarga RHB Premier bersetuju untuk mematuhi Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pembiayaan Anti-Keganasan dan Hasil Kegiatan Tidak Sah 2001, yang boleh dilihat di www.rhbgroup.com dan bahawa saya / kami boleh mengunjungi mana-mana cawangan Bank atau hubungi Pusat Perhubungan Pelanggan RHB di 03-9206 8118 atau di customer.service@rhbgp.com untuk maklumat lebih lanjut mengenai perkara tersebut].

13. Undang-undang

- a. Terma dan Syarat ini diatur dan ditafsirkan berdasarkan undang-undang Malaysia.

-Terma & Syarat Premier dikemaskini pada 10 Julai 2023 -